

Tolakan Kos Mempengaruhi Kadar Inflasi

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Kadar inflasi harga pengguna untuk suku tahun pertama 2017 adalah agak tinggi jika dibandingkan dengan suku tahun keempat tahun lepas. Purata kadar inflasi untuk suku pertama tahun ini ialah 4.2 peratus, berbanding dengan 1.7 peratus untuk suku keempat tahun lepas. Purata kadar inflasi untuk suku pertama tahun lepas juga lebih rendah merekodkan 3.4 peratus.

Kadar inflasi untuk suku pertama tahun ini juga menunjukkan peningkatan setiap bulan. Bulan Januari mencatatkan peningkatan tahunan indeks harga pengguna (IHP) pada kadar 3.2 peratus. Manakala bulan Februari menunjukkan peningkatan harga yang lebih tinggi pada kadar 4.5 peratus setahun, dan ini diikuti dengan peningkatan yang lebih tinggi untuk bulan Mac pada kadar 5.1 peratus.

Keadaan ini sudah tentu membimbangkan pengguna kerana ianya akan menambahkan lagi beban terhadap peningkatan kos sara hidup yang mereka hadapi kini. Merujuk kepada peningkatan IHP sebanyak 5.1 peratus untuk bulan Mac, bermakna pengguna perlu berbelanja sebanyak 5.1 peratus melebihi perbelanjaan mereka setahun yang lepas, jika mereka mengekalkan corak perbelanjaan mereka. Jika pendapatan mereka tidak meningkat selari dengan peningkatan harga tersebut, mereka akan merasa tekanan kos sara hidup.

Walau bagaimanapun, keadaan ini cuma untuk jangka masa pendek. Jika dibandingkan dengan tahun lepas, suku pertama juga merekodkan kadar inflasi yang tinggi. Namun untuk sepanjang tahun kadar inflasi adalah lebih rendah pada kadar 2.1 peratus. Trend yang sama juga dijangka untuk tahun ini. Namun kadar inflasi untuk tahun ini dijangka lebih tinggi pada kadar 3.0 peratus setahun.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Apakah faktor yang menyumbang kepada peningkatan kadar inflasi? Naik turun harga barangan ditentukan oleh permintaan dan penawaran. Maka sebarang perubahan di dalam pasaran yang mempengaruhi sama ada permintaan atau penawaran, atau kedua-duanya akan mempengaruhi pergerakan harga. Jika kenaikan harga disebabkan oleh faktor permintaan, maka inflasi dikatakan berpunca dari tarikan permintaan. Sebaliknya jika ianya berpunca dari sudut penawaran, inflasi tersebut dikatakan sebagai tolakan kos. Realitinya, kedua-dua faktor ini saling bertindak di dalam ekonomi, maka agak sukar untuk menentukan sama ada ianya tarikan permintaan atau tolakan kos.

Jika dilihat situasi semasa, penyumbang utama kepada peningkatan IHP adalah indeks pengangkutan yang meningkat sebanyak 23.0 peratus untuk bulan Mac. Pengangkutan menyumbang 13.7 peratus pemberat kepada IHP. Indeks makanan dan minuman tanpa alkohol yang menyumbang 30.2 peratus pemberat kepada IHP meningkat pada kadar 4.1 peratus untuk bulan Mac berbanding setahun lepas.

Salah satu komponen di dalam indeks makanan dan minuman tanpa alkohol adalah minyak dan lemak yang harganya pada bulan Mac telah meningkat dengan mendadak sebanyak 38.8 peratus berbanding Mac 2016. Minyak masak adalah termasuk di dalam kategori ini dan telah meningkat begitu ketara pada kadar 48.5 peratus untuk tempoh yang sama. Walaupun pemberat untuk minyak dan lemak terhadap IHP agak kecil, iaitu 0.5 peratus, namun produk ini banyak diguna sebagai input untuk produk makanan lain. Maka ianya akan menyumbang kepada kenaikan kos pengeluaran makanan. Umpamanya, indeks untuk makanan di rumah yang mempunyai pemberat sebanyak 17.9 peratus terhadap IHP telah meningkat dengan kadar 4.1 peratus setahun pada bulan Mac 2017.

Senario di atas menunjukkan faktor tolakan kos adalah signifikan menyumbang kepada inflasi, melalui dua kategori produk utama, pengangkutan serta minyak dan lemak. Kedua-duanya merupakan input penting di dalam proses pengeluaran. Pengangkutan penting untuk semua proses pengeluaran. Manakala minyak dan lemak penting untuk pengeluaran makanan yang mempunyai pemberat yang tinggi di dalam IHP.

Penyumbang utama kepada kenaikan kos pengangkutan adalah produk bahan api, termasuk petrol dan diesel. Kenaikan harga bahan api pula disebabkan oleh harga minyak mentah yang lebih stabil pada paras yang agak tinggi, dianggarkan pada harga purata 55 dolar Amerika setong sepanjang tahun ini.

Peningkatan harga untuk minyak dan lemak adalah disebabkan kenaikan harga di pasaran dunia. Ini termasuk minyak sawit. Eksport minyak sawit dan produk berasaskan minyak sawit untuk bulan Februari tahun ini telah meningkat sebanyak 62.8 peratus berbanding Februari tahun lepas kerana kenaikan harga, walaupun pengeluaran berkurangan kerana kesan *El Nino*.

Kenaikan harga dua komoditi penting ini, minyak mentah dan minyak sawit, memberi sumbangan positif kepada eksport negara. Ianya menyumbang kepada peningkatan kepada lebih akaun semasa di dalam akaun imbalan bayaran negara. Namun kesan kepada pengguna melalui peningkatan harga pengguna tidak dapat dielakkan. Sekiranya kerajaan berjaya mengekang kadar inflasi daripada meningkat dengan mendadak, kebaikan dari peningkatan eksport diharap memberi manfaat menyeluruh yang positif.

Seperkara lagi yang menyumbang kepada inflasi tolakan kos adalah kejatuhan nilai ringgit terutama berbanding dengan dolar Amerika. Ringgit telah susut sebanyak kira-kira 20 peratus berbanding dengan dolar Amerika semenjak dua tahun lepas. Ini memberi kesan terhadap peningkatan kos pengeluaran terutama yang menggunakan input barangan mentah dan barangan perantaraan yang di import. Malah kebanyakan harga barangan pengguna akan terkesan dengan kenaikan dolar Amerika berbanding ringgit. Ini disebabkan oleh keseragaman harga global kesan dari keterbukaan ekonomi.